

Ruj. Fail : MPSJ/KHP/100 – 6/1/1Jld 4()

**MINIT MESYUARAT PENUH
MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA
BIL. 2 TAHUN 2019**

Tarikh : 27 Februari 2019 (Rabu)
Masa : 10.30 pagi hingga 12.30 tengahari
Tempat : Bilik Mesyuarat Kenanga,
Aras 2, Ibu Pejabat,
Majlis Perbandaran Subang Jaya
Kehadiran : Seperti di Lampiran A

1.0 BACAAN DOA

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh Encik Mohd Amizi bin Aminuddin, Penolong Pegawai Tadbir Khidmat Pengurusan, Majlis Perbandaran Subang Jaya.

2.0 PERUTUSAN Pengerusi

Tuan Timbalan Yang Dipertua memulakan mesyuarat dengan mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memaklumkan bahawa mesyuarat kali ini merupakan Mesyuarat Penuh MPSJ yang ke 2/2019. Seterusnya beliau menyampaikan beberapa perkara seperti yang berikut :

- i) Pelaksanaan program-program yang telah berlangsung sepanjang bulan Februari 2019. Gambar-gambar semasa program dilaksanakan juga ditayangkan.
- ii) Pemakluman Pengisytiharan Kepentingan Peribadi Bagi Mesyuarat Penuh. Semua ahli mesyuarat diwajibkan mengisytiharkan kepentingan peribadi ke atas sebarang keputusan yang dibincangkan dan hendaklah berkecuali dengan (menyatakan kepentingan dan berundur diri seketika) semasa perbincangan. Selaras dengan keputusan Mesyuarat MMKN bil 21/2018, Ahli Majlis diminta mengisi borang Pengisytiharan Kepentingan Ahli Mesyuarat setiap kali mesyuarat diadakan.
- iii) Pemakluman larangan menggunakan peralatan komunikasi semasa mesyuarat berlangsung.
- iv) Laporan kes denggi di kawasan pentadbiran MPSJ. Sehingga minggu epid 8 2019, sebanyak 1857 kes denggi dilaporkan dan disahkan positif di kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Subang Jaya. Hingga ke hari ini, terdapat sebanyak 36 lokaliti hotspots denggi dengan 4 lokaliti yang telah melebihi 100 hari iaitu di Lestari Putra 4, Lestari Putra 6, Bt. 13 Kg. Tengah dan USJ 9/3K hingga USJ 9/3P.

Aktiviti gotong royong bersama penduduk, kempen kesedaran denggi, pemeriksaan tempat pembiakan, larvaciding dan

pengwasapan (fogging) sedang dipergiatkan di lokaliti bermasalah dengan kerjasama Pejabat Kesihatan Daerah Petaling.

Penduduk juga diminta untuk meluangkan masa sekurang-kurangnya 10 minit setiap minggu untuk mencari dan memusnahkan tempat-tempat pembiakan di sekitar rumah dan premis masing-masing.

- v) Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) akan menganjurkan Majlis Sambutan Tahun Baru Cina Peringkat MPSJ 2019 seperti berikut :

Tarikh : 2 Mac 2019 (Sabtu)
Masa : 7.45 malam sehingga 10.00 malam
Lokasi : Tapak Bazaar Ramadan, Jalan 5A/1,
Bandar Kinrara Seksyen 5,
47180 Puchong, Selangor.

- vi) Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) akan menganjurkan Program Menembak Gagak seperti berikut :

Tarikh : 16 Mac 2019 (Sabtu)
Masa : 7.00 pagi hingga 7.00 malam

Kadar bayaran bagi setiap ekor gagak yang berjaya dimusnahkan adalah sebanyak RM3.00. Program ini juga telah mendapat kerjasama daripada pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) daripada IPD Subang Jaya dan IPD Serdang, Persatuan Penembak Subang dan Jawatankuasa Penduduk (JKP) MPSJ.

3.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT PENUH MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA BIL. 1/2019

Minit Mesyuarat Penuh Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 1 Tahun 2019 yang telah diadakan pada 30 Januari 2019 (Rabu) disahkan tanpa pindaan.

4.0 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

Tiada

5.0 PEMBENTANGAN LAPORAN MESYUARAT DARIPADA JAWATANKUASA

5.1 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan MPSJ bil.02/2019 bertarikh 12 Februari 2019

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

5.2 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Perancangan dan Pembangunan MPSJ Bil. 03/2019 bertarikh 13 Februari 2019

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**5.3 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan MPSJ
bil. 02/2019 bertarikh 13 Februari 2019**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**5.4 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Audit dan Pengurusan
Korporat MPSJ bil. 02/2019 bertarikh 14 Februari 2019**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**5.5 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perkhidmatan dan
Teknologi Maklumat MPSJ bil. 02/2019 bertarikh 20 Februari
2019**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

5.6 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan MPSJ Bil. 02/2019 bertarikh 21 Februari 2019

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

| Bil | Para & M/Surat | Ahli Majlis | Perkara | Pindaan / Cadangan |
|-----|------------------|--|--|---|
| 1. | Para 5.5 & m/s 7 | Ar. Kamarul Hisham bin Hj. Yeop Hashim | Pengecualian Notis serta Tawaran Mengkompan Suatu Kesalahan daripada Tindakan Pendakwaan | Beliau ingin tahu apakah status bagi masalah tempat letak kereta di USJ 6 di kawasan LRT memandangkan sering mendapat aduan daripada penduduk berkenaan kenderaan mereka turut disaman. Maklum balas : Tuan Timbalan Yang Dipertua meminta agar tindakan penguatkuasaan ditangguhkan sementara waktu. Ahli Majlis kawasan bersama Pengarah |

| Bil | Para & M/Surat | Ahli Majlis | Perkara | Pindaan / Cadangan |
|------------|---------------------------|------------------------------------|--|---|
| | | | | <p>Penguatkuasaan akan membuat lawatan turun tapak bagi berbincang dan membuat penelitian terhadap penyelesaian masalah ini.</p> <p style="text-align: right;">Tindakan : Jabatan Penguatkuasaan</p> |
| 2 | Para 5.7 (iii) & m/s 11 | Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh | Kertas Cadangan Tambahan Skop Kerja / Penggunaan Peruntukan Inden JKP bagi Projek Khas MPSJ 2019 | <p>Beliau ingin penjelasan berkenaan pembinaan sebuah Pusat Kitar Semula (PKS) di kawasan JKP. Siapakah yang akan mengambil alih dan membuat penyelenggaraan terhadap pusat kitar semula tersebut?</p> <p>Maklum balas :</p> <p>Tuan Timbalan Yang Dipertua memaklumkan bahawa setiap projek</p> |

| Bil | Para & M/Surat | Ahli Majlis | Perkara | Pindaan / Cadangan |
|-----|------------------|--------------------|------------------------------------|---|
| | | | | <p>yang dibina oleh Majlis merupakan aset Majlis. Pusat Kitar Semula akan diserahkan kepada Jawatankuasa Penduduk untuk kegunaan penduduk sekitar.</p> <p style="text-align: right;">Tindakan : Jabatan Pembangunan Masyarakat</p> |
| 3. | Para 1.0 & m/s 1 | Encik Yap Kok Weng | Perutusan Pengerusi – Golongan B40 | <p>Beliau ingin apakah cara dan mekanisme bagi mendaftarkan golongan B40?</p> <p>Maklum balas :</p> <p>Tuan Timbalan Yang Dipertua memaklumkan bahawa golongan B40 dikenali sebagai <i>Bottom 40</i> yang merupakan kumpulan isi rumah terendah berpendapatan seisi rumah dengan</p> |

| Bil | Para & M/Surat | Ahli Majlis | Perkara | Pindaan / Cadangan |
|-----|----------------|-------------|---------|--|
| | | | | <p>purata bulanan di bawah RM 3,860.00.</p> <p>MPSJ dalam proses melaksanakan program 21 Pangsapuri Angkat. MPSJ telah menjalinkan kerjasama dengan Lembaga Zakat Selangor dan Jabatan Kebajikan Masyarakat serta dalam proses pengumpulan data-data golongan B40 mengikut pangsapuri.</p> <p>Tindakan : Makluman</p> |

5.7 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur, Pengangkutan dan Kemudahan Awam MPSJ Bil. 02/2019 bertarikh 21 Februari 2019

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

| Bil | Para & M/Surat | Ahli Majlis | Perkara | Pindaan / Cadangan |
|------------|---------------------------|--------------------|---|--|
| 1. | Para 3.7.2 & m/s 4 | Encik Yap Kok Weng | Jalan berlubang di laluan keluar stesen LRT BK 5 (dari Kuala Lumpur ke Puchong) | <p>Beliau memaklumkan bahawa jalan tersebut merupakan jalan JKR namun pihak JKR masih belum melaksanakan kerja-kerja penampalan jalan. Adakah MPSJ boleh mengambil tindakan segera kerana ianya melibatkan keselamatan orang awam.</p> <p>Maklum balas :</p> <p>Tuan Timbalan Yang Dipertua meminta agar Jabatan Kejuruteraan membuat perbincangan segera dengan pihak JKR bagi mengambil tindakan penampalan lubang dengan kadar segera.</p> <p>Tindakan : Jabatan Kejuruteraan</p> |

6.0 PEMBENTANGAN KERTAS MESYUARAT

6.1 KERTAS PEMAKLUMAN GARIS PANDUAN LARANGAN PENGUNAAN TELEFON BIMBIT ATAU LAIN-LAIN PERALATAN KOMUNIKASI DALAM MESYUARAT KERAJAAN

Kertas mesyuarat ini disediakan oleh Jabatan Khidmat Pengurusan dan telah dibentangkan oleh Puan Nik Zalina bt Megat Muda , Timbalan Pengarah Khidmat Pengurusan.

Keputusan Mesyuarat :

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju** menerima kertas pemakluman tersebut dan dikuatkuasa pada 31 Januari 2019.

Tindakan : Makluman

7.0 PENUTUP

Tuan Pengerusi mengucapkan terima kasih dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.05 tengahari. Mesyuarat Penuh MPSJ bulan Mac 2019 akan diadakan pada 27 Mac 2019 (Rabu) jam 10.00 pagi.

Tarikh Disediakan : 27 Februari 2019

" SELANGOR MAJU BERSAMA "

" MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI "

Disediakan oleh;

.....
(HJ. MOHD FADZIL BIN MAHAT), A.M.N, A.M.S
Pengarah Jabatan Perbendaharaan
MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

Disahkan oleh;

.....
(HJ. MOHD ZULKURNAIN BIN CHE ALI), A.M.N., A.M.S.
Timbalan Yang Dipertua
MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

LAMPIRAN A

HADIR

- | | | | |
|-----|---|---|-------------|
| 1. | Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, A.M.N., A.M.S Setiausaha Majlis Perbandaran Subang Jaya | - | Pengerusi |
| 2. | Tuan Haji Mohd Fadzil bin Mahat, A.M.N., A.M.S Pengarah, Jabatan Perbendaharaan | - | Setiausaha |
| 3. | Encik Yap Kok Weng | - | Ahli Majlis |
| 4. | Encik Mohd Saifullah bin Mohd Zulkifli | - | " |
| 5. | Ar. Kamarul Hisham bin Hj. Yeop Hashim | - | " |
| 6. | Encik Mohd Tarmizi bin Lazim | - | " |
| 7. | Encik Mohd Fitri bin Jamaludin | - | " |
| 8. | Puan Sharmazira binti Md. Sharif | - | " |
| 9. | Puan Kavitha a/p Chandragesen | - | " |
| 10. | Encik Ismail Kamal bin Abdul Rahman | - | " |
| 11. | Encik Thomas Low Yew Sin | - | " |

- | | | | |
|-----|--|---|---|
| 12. | Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh | - | " |
| 13. | Encik Mehanatan a/l Embamurthi | - | " |
| 14. | Encik Chia Yew Ken | - | " |
| 15. | Encik Tai Cheng Heng | - | " |
| 16. | Encik Thamilarasu Sandayan | - | " |
| 17. | Encik Wong Yii Seang | - | " |
| 18. | Puan Lee Jen Uyin | - | " |
| 19. | Puan Ng Seow Chen | - | " |
| 20. | Encik Abbas Salimmi bin Che Adzmi @ Azmi | - | " |
| 21. | Encik Koh Eng Kee | - | " |
| 22. | Dato' Kamaruzaman bin Ibrahim | - | " |
| 23. | Encik Ahmad Faidzal bin Mohamed | - | " |

TURUT HADIR (PEGAWAI MPSJ)

1. Ir. Rosli bin Mohammad Yunus, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan

2. Encik Muhammad Zaki bin Yusof
Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat

3. Encik Ismail bin Salim, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan

4. Dr. Roslan bin Mohamed Hussin, A.M.S.
Pengarah, Jabatan Kesihatan

5. Puan Hjh Anita binti Abd Jalil, P.P.T.
Pengarah, Jabatan Undang-Undang

6. Sr. Aida binti Omar, MRISM
Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta

7. Puan Hjh. Sharifah Rohaida binti Abd. Rahman, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Hasil

8. Puan Hjh. Azura binti Mohd Don
Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar

9. Encik Muhammad Azli bin Miswan
Pengarah, Jabatan Pelesenan

10. Encik Nazarudin bin Mashtuki
Pengarah, Jabatan Kontrak & Ukur Bahan

11. Encik Samzol bin Saat
Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat

12. Cik Rozdiana binti Mohd Rosmi
Pengarah, Jabatan OSC

13. Encik Nor Azmi bin Hj. Mohd Rosli, P.P.T.
Pengarah, Jabatan Bangunan

14. Encik Muhd Hasnizam bin Hassan
Pengarah, Jabatan COB

15. Puan Rosmawati binti Zainuddin, A.I.S
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Landskap

16. Puan Hjh. Noraziah binti Ali, P.J.K
Pengarah, Unit Audit Dalam

17. Puan Emilia binti Nasir
Penolong Pengarah, Unit Integriti

18. Encik Azfarizal bin Abdul Rashid
Timbalan Pengarah Kanan, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik

19. Encik Hazman bin Mohd Mahayudin
Timbalan Pengarah, Jabatan Perancang Bandar

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

1. Encik M Anbarasan a/l Murugesu - Ahli Majlis

2. Encik Keshminder Singh a/l K.Karam Singh - "

3. Puan Hamizun binti Hj. Mohamad Basar, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik

4. TPr. Ismail bin Muhamad, A.I.S
Pengarah, Jabatan Perancang Bandar

URUS SETIA

1. Puan Nik Zalina binti Megat Muda
Timbalan Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan

2. Puan Mazura binti Mohamad
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan

3. Puan Norawalia binti Shafiai
Pembantu Tadbir, Jabatan Khidmat Pengurusan